



2 Oktober 2023  
2 October 2023  
P.U. (A) 297

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN  
KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN)  
(PENDAFTARAN) 2023

*MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD  
(INCORPORATION) (REGISTRATION) REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(PEMERBADANAN) (PENDAFTARAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 34(2) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [*Akta 105*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pendaftaran) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

**Permohonan bagi pendaftaran**

2. (1) Tertakluk pada syarat di bawah peraturan 3, 4, 5, 6, 7 dan 8, apa-apa permohonan bagi pendaftaran untuk menjalankan aktiviti sebagai pengeksport, pengimport, pengendali, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang atau pengendali jeti di bawah seksyen 14 Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga secara bertulis atau dalam talian dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah disertai dengan fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Lembaga, permohonan pendaftaran bagi setiap aktiviti yang disebut di dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat secara berasingan.

(3) Lembaga boleh menghendaki pemohon itu untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan bagi maksud mempertimbangkan permohonan itu.

(4) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) tidak diberikan oleh pemohon itu dalam masa yang dinyatakan oleh Lembaga, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon itu.

(5) Lembaga boleh meluluskan atau menolak permohonan itu selepas menimbangkan permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan (1) dan berpuas hati bahawa pemohon itu telah mematuhi semua syarat di bawah peraturan 3, 4, 5, 6, 7 dan 8, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Lembaga hendaklah memaklumkan secara bertulis tentang keputusannya untuk meluluskan atau menolak permohonan itu kepada pemohon itu dalam masa tujuh hari dari tarikh keputusan itu dibuat.

(7) Permohonan di bawah subperaturan (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum pengeluaran perakuan pendaftaran, yang jika itu berlaku fi permohonan yang kena dibayar di bawah subperaturan (1) tidak akan dikembalikan.

### **Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pengeksport**

3. Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pengeksport adalah seperti yang berikut:

- (a) pemohon mengemukakan salinan lesen kilang yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika pemohon tidak memiliki kilang, salinan perjanjian bekalan kayu antara pemohon itu dengan pembekal yang didaftarkan di bawah Akta;
- (b) pemohon merupakan pengeksport kayu yang dibekalkan oleh pembekal yang didaftarkan di bawah Akta;
- (c) pemohon bersetuju untuk membayar ses eksport mengikut kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah ses di bawah seksyen 20 Akta; dan
- (d) pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*], Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*] atau Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*].

**Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pengimport**

4. Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pengimport adalah seperti yang berikut:

- (a) pemohon merupakan pengimport kayu yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama kepada Akta dan kayu yang akan diimport itu dilesenkan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 [*P.U. (A) 103/2017*]; dan
- (b) pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Syarikat 2016.

**Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pembekal**

5. Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pembekal adalah seperti yang berikut:

- (a) pemohon mengemukakan salinan lesen yang berhubungan dengan pembekalan kayu yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) pemohon membekalkan kayu termasuklah kayu gergaji yang diperingkatkan oleh pemeringkat yang didaftarkan di bawah Akta;
- (c) kayu yang dibekalkan oleh pengeksport atau pengimport didaftarkan di bawah Akta; dan
- (d) pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Syarikat 2016.

**Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pemproses**

6. Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pemproses adalah seperti yang berikut:

(a) pemohon mengemukakan salinan lesen, perakuan atau kebenaran yang berhubungan dengan pemprosesan kayu yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan

(b) pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Syarikat 2016.

**Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pengendali jeti**

7. Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pengendali jeti adalah seperti yang berikut:

(a) pemohon telah mendapatkan lesen sebagai pengendali jeti yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia, Pihak Berkuasa Pelabuhan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri; dan

(b) pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Syarikat 2016.

**Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pemeringkat**

8. Syarat permohonan bagi pendaftaran sebagai pemeringkat adalah pemohon mempunyai perakuan kelayakan untuk memeringkat kayu gergaji yang dikeluarkan oleh Lembaga.

**Perakuan pendaftaran**

9. (1) Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran bagi setiap permohonan bagi pendaftaran yang diluluskan mengikut bentuk sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Lembaga boleh mengenakan syarat bagi perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1).

### **Permohonan pembaharuan pendaftaran**

10. (1) Lembaga boleh, apabila permohonan dibuat oleh pengeksport, pengimport, pengendali, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang atau pengendali jeti, membaharui pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 2.

(2) Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat sebelum habis tempoh perakuan pendaftaran sedia ada secara bertulis atau dalam talian dan hendaklah disertai dengan fi pembaharuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Jika pemohon gagal untuk mematuhi subperaturan (2), Lembaga hendaklah enggan meneruskan permohonan bagi membaharui pendaftaran pembaharuan itu.

### **Kelulusan pembaharuan pendaftaran**

11. (1) Lembaga boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi pembaharuan pendaftaran di bawah peraturan 10, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Lembaga hendaklah memaklumkan secara bertulis mengenai keputusannya untuk meluluskan atau menolak permohonan bagi pembaharuan pendaftaran kepada pemohon dalam masa tujuh hari dari tarikh keputusan itu dibuat.

### **Perakuan pembaharuan pendaftaran**

12. (1) Lembaga hendaklah mengeluarkan perakuan pembaharuan pendaftaran bagi setiap permohonan pembaharuan pendaftaran yang diluluskan mengikut bentuk sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Lembaga boleh mengenakan syarat bagi perakuan pembaharuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1).

**Salinan diperakui perakuan pendaftaran atau perakuan pembaharuan pendaftaran**

13. (1) Jika perakuan pendaftaran atau perakuan pembaharuan pendaftaran hilang, musnah atau rosak, pemegang perakuan pendaftaran atau perakuan pembaharuan pendaftaran itu boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Lembaga bagi salinan diperakui perakuan pendaftaran atau perakuan pembaharuan pendaftaran dan hendaklah disertai dengan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Lembaga boleh mengeluarkan salinan diperakui perakuan pendaftaran atau perakuan pembaharuan pendaftaran jika Lembaga berpuas hati bahawa perakuan pendaftaran atau perakuan pembaharuan pendaftaran yang asal telah hilang, musnah atau rosak.

**Larangan memindahkan atau menyerahhakkan**

14. (1) Perakuan pendaftaran atau pembaharuan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 9 atau 12 tidak boleh dipindahkan atau diserahhakkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Larangan pemalsuan atau pengubahsuaian**

15. (1) Perakuan pendaftaran atau pembaharuan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 9 atau 12 tidak boleh dipalsukan atau diubah suai.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Fi**

16. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Fi yang diterima oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua daripada mana-mana bahagian fi yang telah dibayar bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran boleh dibayar balik.

**Pemberitahuan perubahan butir-butir**

17. (1) Mana-mana orang yang telah didaftarkan untuk menjalankan aktiviti sebagai pengeksport, pengimport, pengendali, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang atau pengendali jeti hendaklah, dalam masa empat belas hari bekerja dari berlakunya apa-apa perubahan material kepada butiran dalam mana-mana permohonan atau maklumat yang diberikan kepada Lembaga, mengemukakan kepada Lembaga apa-apa perubahan material kepada butiran itu secara bertulis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pembatalan**

18. Kaedah-Kaedah Perindustrian Kayu (Pendaftaran) 1991 [*P.U. (A) 285/1991*] dibatalkan.

**Kecualian**

19. (1) Apa-apa pendaftaran pengeksport, pengimport, pengendali, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang atau pengendali jeti di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan dan apa-apa syarat dan larangan pendaftaran itu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh pendaftaran itu.

(2) Semua permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran yang belum diputuskan oleh Lembaga di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan mengikut Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA  
[Subperaturan 2(1), 10(2), 13(1) dan 16(1)]

FI

No.	Perihal	Kadar fi bagi setahun (RM)
1.	Fi pendaftaran	
	<i>(a)</i> Pengeksport	300.00
	<i>(b)</i> Pengimport	300.00
	<i>(c)</i> Pembekal	300.00
	<i>(d)</i> Pemeringkat	50.00
	<i>(e)</i> Pemproses	300.00
	<i>(f)</i> Pengendali Jeti	300.00
	<i>(g)</i> Pedagang	50.00
	<i>(h)</i> Pengendali	50.00
2.	Fi pembaharuan	
	<i>(a)</i> Pengeksport	200.00
	<i>(b)</i> Pengimport	200.00
	<i>(c)</i> Pembekal	200.00
	<i>(d)</i> Pemeringkat	50.00
	<i>(e)</i> Pemproses	200.00
	<i>(f)</i> Pengendali Jeti	200.00
	<i>(g)</i> Pedagang	50.00
	<i>(h)</i> Pengendali	50.00
3.	Fi salinan diperakui pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran (jika hilang, musnah atau rosak)	50.00

## JADUAL KEDUA

[Peraturan 11]

## PERAKUAN PENDAFTARAN

Ini adalah untuk memperakui bahawa .....

.....

daripada.....

didaftarkan sebagai—

Aktiviti	Nombor pendaftaran	Kod kategori yang diluluskan
Pengeksport (T/E)		
Pengimport (T/I)		
Pembekal (T/S)		
Pemeringkat (T/G)		
Pemproses (T/P)		
Pedagang (T/T)		
Pengendali (T/O)		
Pengendali Jeti (T/J)		

di bawah seksyen 14 Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 dan mengikut Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pendaftaran) 2023 dari ..... hingga ..... tertakluk pada syarat di bawah subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan ini yang dilampirkan bersama-sama perakuan ini dan larangan yang dikenakan di bawah peraturan 14 dan 15 Peraturan-Peraturan ini.

Fi yang telah dibayar: .....

Nombor resit: .....

Tarikh: .....

*Ketua Pengarah/Pegawai yang diberi kuasa  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia*

## JADUAL KETIGA

[Peraturan 14]

## PERAKUAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Ini adalah untuk memperakui bahawa .....

.....

daripada .....

didaftarkan sebagai—

Aktiviti	Kod kategori yang diluluskan
Pengeksport (T/E)	
Pengimport (T/I)	
Pembekal (T/S)	
Pemeringkat (T/G)	
Pemproses (T/P)	
Pedagang (T/T)	
Pengendali (T/O)	
Pengendali Jeti (T/J)	

No. Perakuan Pendaftaran: .....

Pendaftaran diperbaharui dari ..... hingga ..... tertakluk pada syarat di bawah subperaturan 12(2) Peraturan-Peraturan ini yang dilampirkan bersama-sama perakuan ini dan larangan yang dikenakan di bawah peraturan 14 dan 15 Peraturan-Peraturan ini.

*Ketua Pengarah/Pegawai yang diberi kuasa  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia*

Dibuat 13 Jun 2023

[MPIC.KTK (S) 600-1/1/2 Jld. 2 (16); PN(PU2)129/XI]

DATUK LARRY SNG WEI SHIEN  
*Pengerusi*  
*Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia*

Diluluskan 31 Julai 2023

[MPIC.KTK (S) 600-1/1/2 Jld. 2 (16); PN(PU2)129/XI]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Menteri Perladangan dan Komoditi*

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) ACT 1973

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD  
(INCORPORATION) (REGISTRATION) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 34(2) of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 [*Act 105*], the Board, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These Regulations may be cited as the **Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) (Registration) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2024.

**Application for registration**

2. (1) Subject to the conditions under regulations 3, 4, 5, 6, 7 and 8, any application for registration to carry out an activity as an exporter, an importer, an operator, a supplier, a grader, a processor, a trader or a jetty operator under section 14 of the Act shall be made to the Board by writing or online in the form prescribed by the Board and shall be accompanied with the application fee as prescribed in the First Schedule.

(2) Unless otherwise directed by the Board, the application for each activity referred to in subregulation (1) shall be made separately.

(3) The Board may require the applicant to provide any document or additional information for the purpose of considering that application.

(4) If any document or additional information as required under subregulation (3) is not submitted by the applicant within the time specified by the Board, the application shall be deemed to be withdrawn without prejudice to a new application made by the applicant.

(5) The Board may approve or refuse the application after considering the application for registration under subregulation (1) and satisfied that the applicant has complied with all the conditions under regulations 3, 4, 5, 6, 7 and 8, as the case may be.

(6) The Board shall notify in writing his decision to approve or refuse the application to the applicant within seven days from the date of the decision is made.

(7) The application under subregulation (1) may be withdrawn at any time before the issuance of a certificate of registration, in which event the application fee payable under subregulation (1) will not be returned.

**Conditions for application for registration as exporter**

3. The conditions for the application for registration as an exporter are as follows:

- (a) the applicant submits a copy of certificate of licence of a mill issued under any written law or if the applicant does not own a mill, a copy of an agreement of supply timber between the applicant and a supplier registered under the Act;
- (b) the applicant exports timber supplied by a supplier registered under the Act;
- (c) the applicant agrees to pay export cess according to the rates as prescribed in the cess order under section 20 of the Act; and
- (d) the applicant has a valid certificate of registration of business under the Registration of Business Act 1956 [Act 197], the Partnership Act 1961 [Act 135] or the Companies Act 2016 [Act 777].

**Conditions for application for registration as importer**

4. The conditions for the application for registration as an importer are as follows:
- (a) the applicant is a timber importer listed under the First Schedule to the Act and the timber to be imported are licensed under the Customs (Prohibition of Import) Order 2017 [*P.U. (A) 103/2017*]; and
  - (b) the applicant has a valid certificate of registration of business under the Registration of Business Act 1956, the Partnership Act 1961 or the Companies Act 2016.

**Conditions for application for registration as supplier**

5. The conditions for the application for registration as a supplier are as follows:
- (a) the applicant submits a copy of licence relating to supply of timber issued under any written law;
  - (b) the applicant supplies timber including sawn timber graded by a grader registered under the Act;
  - (c) the timber supplied by an exporter or importer registered under the Act; and
  - (d) the applicant has a valid certificate of registration of business under the Registration of Business Act 1956, the Partnership Act 1961 or the Companies Act 2016.

**Conditions for application for registration as processor**

6. The conditions for the application for registration as a processor are as follows:
- (a) the applicant submits a copy of a licence, certificate or an approval relating to processing of timber issued under any written law; and

- (b) the applicant has a valid certificate of registration of business under the Registration of Business Act 1956, the Partnership Act 1961 or the Companies Act 2016.

**Conditions for application for registration as jetty operator**

7. The conditions for the application for registration as a jetty operator are as follows:

- (a) the applicant has obtained a licence as jetty operator issued by the Department of Marine Malaysia, Port Authority, Royal Malaysian Customs Department or any State Government; and
- (b) the applicant has a valid certificate of registration of business under the Registration of Business Act 1956, the Partnership Act 1961 or the Companies Act 2016.

**Conditions for application for registration as grader**

8. The condition for the application for registration as a grader is the applicant has a certificate of competency to grade sawn timber issued by the Board.

**Certificate of registration**

9. (1) The Board shall issue a certificate of registration for each application of registration approved in a form as prescribed in the Second Schedule.

(2) The Board may impose conditions for the certificate of registration issued under subregulation (1).

**Application for renewal of registration**

10. (1) The Board may, on application made by an exporter, importer, operator, a supplier, grader, processor, trader or jetty operator, renew the registration issued under regulation 2.

(2) The application for renewal of registration under subregulation (1) shall be made before the expiry of the existing certificate of registration in writing or online and shall be accompanied with the renewal fee as prescribed in the First Schedule.

(3) If the applicant fails to comply with subregulation (2), the Board shall refuse to proceed with the application for renewal of registration.

#### **Approval of renewal of registration**

11. (1) The Board may, after considering the application for renewal of registration under regulation 10, approve or refuse the application.

(2) The Board shall notify in writing of its decision to approve or refuse the application for renewal of registration to the applicant within seven days from the decision is made.

#### **Certificate of renewal of registration**

12. (1) The Board shall issue a certificate of renewal of registration for each application of renewal of registration approved in a form as prescribed in the Third Schedule.

(2) The Board may impose conditions for the certificate of renewal of registration issued under subregulation (1).

#### **Certified copy of certificate of registration or certificate of renewal of registration**

13. (1) Where a certificate of registration or certificate of renewal of registration is lost, destroyed or damaged, the holder of certificate of registration or certificate of renewal of registration may make an application in writing to the Board for a certified copy of the certificate of registration or certificate of renewal of registration and shall be accompanied with a fee as prescribed in the First Schedule.

(2) The Board may issue a certified copy of the certificate of registration or certificate of renewal of registration if the Board is satisfied that the original certificate of registration or certificate of renewal of registration is lost, destroyed or damaged.

**Prohibition of transfer or assign**

14. (1) The certificate of registration or certificate of renewal of registration issued under regulation 9 or 12 shall not be transferred or assigned.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Prohibition of forgery or modification**

15. (1) The certificate of registration or renewal of registration issued under regulation 9 or 12 shall not be forged or modified.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Fees**

16. (1) The fees payable under these Regulations are as prescribed in the First Schedule and shall be paid to the Board in any manner as determined by the Board.

(2) The fees received by the Board under these Regulations shall be paid into the Malaysian Timber Industry Board Fund.

(3) Nothing from any part of the fees paid for the registration and renewal of registration may be refunded.

**Notification of change of particulars**

17. (1) Any person who has been registered to carry out an activity as an exporter, an importer, an operator, a supplier, a grader, a processor, a trader or a jetty operator shall, within fourteen working days from the occurrence of any material changes to particulars in any application or information submitted to the Board, submits to the Board the material changes to particulars in writing.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Revocation**

18. The Timber Industry (Registration) Rules 1991 [*P.U. (A) 285/1991*] is revoked.

**Savings**

19. (1) Any registration of an exporter, an importer, an operator, a supplier, a grader, a processor, a trader or a jetty operator under the revoked Rules and any condition and prohibition of such registration immediately before the coming into operation of these Regulations shall continue to have effect until the expiry of such period of registration.

(2) All pending application of registration and renewal of registration before the Board under the revoked Rules shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be dealt with in accordance with these Regulations.

FIRST SCHEDULE  
[Subregulations 2(1), 10(2), 13(1) and 16(1)]

FEE

No.	Description	Rate of fee per annum (RM)
1.	Registration fee	
	<i>(a)</i> Exporter	300.00
	<i>(b)</i> Importer	300.00
	<i>(c)</i> Supplier	300.00
	<i>(d)</i> Grader	50.00
	<i>(e)</i> Processor	300.00
	<i>(f)</i> Jetty Operator	300.00
	<i>(g)</i> Trader	50.00
	<i>(h)</i> Operator	50.00
2.	Renewal fee	
	<i>(a)</i> Exporter	200.00
	<i>(b)</i> Importer	200.00
	<i>(c)</i> Supplier	200.00
	<i>(d)</i> Grader	50.00
	<i>(e)</i> Processor	200.00
	<i>(f)</i> Jetty Operator	200.00
	<i>(g)</i> Trader	50.00
	<i>(h)</i> Operator	50.00
3.	Certified copy of registration or renewal of registration fee (if lost, destroyed or damaged)	50.00

SECOND SCHEDULE

[Regulation 11]

CERTIFICATE OF REGISTRATION

This is to certify that .....

.....

from..... is registered as—

Activities	Registration number	Code of categories approved
Exporter (T/E)		
Importer (T/I)		
Supplier (T/S)		
Grader (T/G)		
Processor (T/P)		
Trader (T/T)		
Operator (T/O)		
Jetty Operator (T/J)		

under section 14 of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 and in accordance with the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) (Registration) Regulations 2023 from ..... until ..... subject to the conditions under subregulation 9(2) of these Regulations as attached to this certificate and the prohibitions imposed under regulations 14 and 15 of these Regulations.

Fees paid: .....

Receipt number: .....

Date: .....

*Director General/Authorized officer  
Malaysian Timber Industry Board*

THIRD SCHEDULE

[Regulation 14]

CERTIFICATE OF RENEWAL OF REGISTRATION

This is to certify that .....  
 from .....  
 is registered as—

Activities	Code of categories approved
Exporter (T/E)	
Importer (T/I)	
Supplier (T/S)	
Grader (T/G)	
Processor (T/P)	
Trader (T/T)	
Operator (T/O)	
Jetty operator (T/J)	

Certificate of Registration No. : .....  
 Registration renewed from ..... until ..... subject  
 to the conditions under subregulation 12(2) of these Regulations as attached to this  
 certificate and the prohibitions imposed under regulations 14 and 15 of these  
 Regulations.

*Director General/Authorized officer  
 Malaysian Timber Industry Board*

Made 13 June 2023

[MPIC.KTK (S) 600-1/1/2 Jld. 2 (16); PN(PU2)129/XI]

DATUK LARRY SNG WEI SHIEN  
*Chairman*  
*Malaysian Timber Industry Board*

Approved 31 July 2023

[MPIC.KTK (S) 600-1/1/2 Jld. 2 (16); PN(PU2)129/XI]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Minister of Plantation and Commodities*